

## BORANG PENYERTAAN

## A. Judul Rencana

1. "BIJAK WANG"- MENGUASAI ASAS TAMBAH, TOLAK DAN NILAI WANG DI KALANGAN MURID PEMULIHAN
2. ....

## B. Butiran Diri

1. Nama Penuh : ROSNITA BINTI AZIZAN
2. No. Kad Pengenalan : 790909-02-5146
3. Gred/DG : DG 41
4. Alamat Sekolah : SEKOLAH KEBANGSAAN TITI GAJAH  
06550 ALOR SETAR, KEDAH
5. Alamat Kediaman : NO A724, JALAN TEMBUSU 18, TAMAN BANDAR  
BARU DUA POKOK SENNA, 06400 POKOK SENNA  
KEDAH DARUL AMAN
6. No. Tel. Sekolah : 04-7144135
7. No. Tel. Rumah : -
8. No. Tel. Bimbit : 012-424 1625
9. Emel : nieta7999@yahoo.com

## C. Pengakuan

Dengan ini saya mengaku bahawa:

1. Semua butiran yang diberikan di atas adalah benar.
2. Rencana yang dihantar adalah hasil saya sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana. Saya juga bersetuju mematuhi semua syarat yang dikenakan serta menerima segala keputusan pihak Bahagian Pendidikan Khas berhubung dengan penerbitan ini.

*R. Nieta*

(Tandatangan)

29.7.2016

(Tarikh)

(Cop Sekolah)





## CONTOH FORMAT PENULISAN

1. **NAMA GURU** : ROSNITA BINTI AZIZAN .....
2. **NAMA SEKOLAH** : SEKOLAH KEBANGSAAN TITI GAJAH .....
3. **ISU/CABARAN** : KELEMAHAN MURID PEMULIHAN TAHUN DUA MENGUASAI KONSEP  
TAMBAH, TOLAK DAN NILAI WANG .....
4. **ASPEK PELAKSANAAN**
  - 4.1 AKADEMIK
  - 4.2 KEMAHIRAN
  - 4.3 KOAKADEMIK
5. **KATEGORI**
  - 5.1 Pembelajaran Akses Kendiri (Interaktif)
  - 5.2 Pembelajaran Melalui BBM
  - 5.3 Pembelajaran Masteri
  - 5.4 Model Pengajaran dan Pembelajaran
6. **TAJUK (Amalan Terbaik)**  
"BIJAK WANG"- MENGUASAI ASAS TAMBAH, TOLAK DAN NILAI WANG DI KALANGAN MURID PEMULIHAN
7. **SINOPSIS**
8. **KUMPULAN SASARAN**
9. **LATAR BELAKANG**
10. **RASIONAL PEMILIHAN AMALAN TERBAIK**
11. **KAEDAH / TEKNIK YANG DIGUNAKAN**
12. **PERINCIAN AKTIVITI**
13. **KAEDAH PENTAKSIRAN SEMASA P&P**
14. **NILAI MURNI YANG DITERAPKAN**
15. **KEKUATAN KAEDAH / TEKNIK YANG DIPILIH**
16. **IMPAK**



**“BIJAK WANG”- Menguasai Asas Tambah, Tolak, dan Nilai Wang di Kalangan  
Murid Pemulihan Tahun Dua SK Titi Gajah, Kedah**

## **7. SINOPSIS**

“Bijak Wang” adalah projek inovasi yang menfokuskan pembelajaran melalui bahan bantu mengajar dalam meningkatkan penguasaan murid dalam asas tambah, tolak dan nilai wang. Pemerhatian awal menunjukkan penggunaan alat berbentuk wang dapat menarik minat murid untuk mempelajari asas tambah, tolak dan nilai wang.

## **8. KUMPULAN SASARAN**

Kajian yang akan saya lakukan ini melibatkan 3 orang murid lelaki pemulihan kelas 2 Fathonah.

## **9. LATAR BELAKANG**

### **9.1 Isu Kajian/ Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran Yang Lalu**

Sepanjang 5 tahun mengajar pemulihan khas, saya dapati masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid saya ialah tiada minat dalam subjek Matematik. Walaupun pada permulaan kelas mereka menunjukkan minat, namun setelah diberi beberapa soalan yang berkaitan dengan tambah dan tolak, mereka mula menunjukkan ekspresi wajah yang muram dan tertekan. Namun begitu, apabila mereka diberikan beberapa keping wang kertas, mereka mula menunjukkan minat semula. Ini menunjukkan mereka sebenarnya berminat untuk mempelajari perkara yang berkaitan dengan wang namun mereka tidak memahami konsep tambah, tolak dan nilai wang tersebut. Oleh kerana itu, saya telah mendapat idea untuk mencipta satu alat bantu mengajar yang bernama “Bijak Wang” untuk mengajar murid-murid saya memahami konsep tambah, tolak dan mengenal nilai wang.



## **9.2 Fokus Kajian**

Walaupun saya mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh murid-murid saya, saya hanya akan fokuskan kajian kepada konsep tolak. Murid-murid saya tidak dapat menguasai konsep tolak terutama yang melibatkan mengumpul semula.

Responden saya terdiri dari tiga orang murid pemulihan lelaki kelas 2 Fathonah. Mereka terdiri dari tiga latar belakang yang berbeza.

Responden 1- Murid ini murid yang rajin datang ke sekolah, menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk belajar perkara yang baharu, lincah, dan suka bertanya. Murid ini mengalami masalah kesihatan di awal kelahiran iaitu kencing manis.

Responden 2- Murid ini kerap ponteng sekolah. Ini disebabkan faktor keluarga yang kurang menitik beratkan soal kepentingan pendidikan. Murid ini lincah, rajin bertanya dan rajin menulis. Murid ini tidak mengalami masalah kesihatan.

Responden 3- Murid ini kerap ponteng sekolah. Ini disebabkan faktor kesihatan dimana murid ini mengalami masalah sawan. Murid ini seorang yang rajin menulis dan rajin bertanya dan aktif di dalam kelas.

Dengan penggunaan bahan inovasi ini serta bimbingan individu, saya mengharapkan murid-murid ini boleh memahami konsep tolak dan menyelesaikan masalah melibatkan tolak dan akhirnya mereka akan meminati matapelajaran Matematik.

## **10. RASIONAL PEMILIHAN AMALAN TERBAIK**

Saya memilih alat bantu mengajar ini kerana semua responden saya menunjukkan minat yang sangat tinggi pada wang. Mereka seronok dan menunjukkan semangat untuk belajar. Jadi, dengan sedikit pengubahsuaian dan memasukkan elemen



## **9.2 Fokus Kajian**

Walaupun saya mengesan banyak masalah yang dihadapi oleh murid-murid saya, saya hanya akan fokuskan kajian kepada konsep tolak. Murid-murid saya tidak dapat menguasai konsep tolak terutama yang melibatkan mengumpul semula.

Responden saya terdiri dari tiga orang murid pemulihan lelaki kelas 2 Fathonah. Mereka terdiri dari tiga latar belakang yang berbeza.

Responden 1- Murid ini murid yang rajin datang ke sekolah, menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk belajar perkara yang baharu, lincah, dan suka bertanya. Murid ini mengalami masalah kesihatan di awal kelahiran iaitu kencing manis.

Responden 2- Murid ini kerap ponteng sekolah. Ini disebabkan faktor keluarga yang kurang menitik beratkan soal kepentingan pendidikan. Murid ini lincah, rajin bertanya dan rajin menulis. Murid ini tidak mengalami masalah kesihatan.

Responden 3- Murid ini kerap ponteng sekolah. Ini disebabkan faktor kesihatan dimana murid ini mengalami masalah sawan. Murid ini seorang yang rajin menulis dan rajin bertanya dan aktif di dalam kelas.

Dengan penggunaan bahan inovasi ini serta bimbingan individu, saya mengharapkan murid-murid ini boleh memahami konsep tolak dan menyelesaikan masalah melibatkan tolak dan akhirnya mereka akan meminati matapelajaran Matematik.

## **10. RASIONAL PEMILIHAN AMALAN TERBAIK**

Saya memilih alat bantu mengajar ini kerana semua responden saya menunjukkan minat yang sangat tinggi pada wang. Mereka seronok dan menunjukkan semangat untuk belajar. Jadi, dengan sedikit pengubahsuaian dan memasukkan elemen



permainan, diharapkan bahan bantu mengajar ini dapat memberikan peningkatan dalam penguasaan konsep tolak di kalangan para responden.

## **11 KAEDAH /TEKNIK YANG DIGUNAKAN**

### **11.1 Kaedah Temuramah**

Saya menggunakan pendekatan temuramah untuk mendekati dan mendapatkan dapatan awal para responden saya dari segi latar belakang sosial dan aktiviti pembelajaran mereka di rumah.

### **11.2 Ujian Pra**

Saya memberikan ujian pra kepada para responden untuk menguji tahap penguasaan konsep tolak.

### **11.3 Bahan bantu mengajar**

Inovasi yang dirancang ialah menggunakan bahan bantu mengajar berupa permainan. Oleh kerana murid –murid saya amat berminat dengan wang, jadi saya telah menggunakan wang sebagai bahan utama dalam bahan bantu mengajar untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan konsep tambah, tolak dan nilai wang. Permainan ini dikenali sebagai “bijak wang”.

### **11.4 Ujian Pos**

Ujian pos adalah set ujian yang sama pada ujian pra. Ujian ini akan diberikan selepas selesai kajian ini dilakukan.

## **12 PERINCIAN AKTIVITI**

Bahan bantu mengajar ini akan diberikan kepada responden mengikut fasa. Mereka akan melalui 3 fasa:

## **Fasa 1**

Para responden akan diminta membilang nombor 1 hingga 100 secara rawak.

Kemudian murid akan diberikan ujian pra.

## **Fasa 2**

Murid akan diberikan permainan “bijak wang” yang terdiri dari:

- a. Papan nilai
- b. Wang kertas RM 10 sebanyak 10 keping
- c. Wang kertas RM 1 sebanyak 9 keping (mengikut kesesuaian soalan)
- d. pen marker
- e. pemadam

Murid akan dibimbing mengenal nilai wang dan konsep tolak. Murid akan diberikan soalan dan dibimbing menyelesaikan soalan menggunakan “bijak wang”.

## **Fasa 3**

Murid akan menjawab soalan tanpa menggunakan “bijak wang”. Murid akan diberikan semula set soalan dan menduduki ujian pos.

## **13 KAEDAH PENTAKSIRAN SEMASA P&P**

Sepanjang proses PdP berlangsung, responden akan dinilai melalui latihan bertulis dan soalan lisan. Ini akan dibuat secara tidak langsung semasa mereka melakukan aktiviti secara individu ataupun secara berkumpulan.



#### **14 NILAI MURNI YANG DITERAPKAN**

Terdapat banyak nilai murni yang dapat diterapkan dalam penggunaan bahan inovasi ini. Namun, nilai murni yang ketara adalah memupuk nilai hormat-menghormati, bersaing dan jujur.

#### **15 KEKUATAN KAEDAH /TEKNIK YANG DIPILIH**

Bahan inovasi ini mempunyai kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri. Ia dapat menarik minat murid pemulihan dalam matematik. Selain itu, bahan inovasi ini dapat membantu murid menghargai keupayaan diri sendiri dan mencetuskan semangat bersaing di kalangan mereka. Bahan inovasi ini juga mudah dikendalikan oleh murid serta selamat digunakan.

#### **16 IMPAK**

Bahan inovasi ini dapat memberikan impak yang positif kepada murid-murid pemulihan yang mempunyai kesukaran dalam menguasai matematik terutama konsep tambah, tolak dan nilai wang. Bahan inovasi ini juga memberikan peluang kepada murid pemulihan untuk mencungkil potensi diri dan persaingan yang sihat dikalangan mereka.